

Pairin tubuh IEP Rancangan baru anti-Persekutuan

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan satu lagi rancangan kerajaan Sabah untuk mewujudkan perasaan anti-Kerajaan Persekutuan di kalangan rakyat negeri itu, khususnya selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai gabungan parti pembangkang.

Perdana Menteri berkata, usaha itu dilakukan secara sengaja menerusi penubuhan Institut Ekonomi Politik (IEP) oleh PBS.

"Institut itu sudah merancang mewujudkan pusat bina semangat, tetapi semangat yang hendak dibina ialah semangat anti-Kerajaan Pusat. Mereka mahu melatih penduduk Sabah, terutama golongan pemuda, supaya bersikap anti-Kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil sebarang tindakan terhadap mereka jika mendapati rancangan berkenaan menjejaskan keselamatan rakyat dan negara.

"Ini termasuklah jika penubuhan IEP itu menyebabkan timbulnya perasaan rakyat Sabah untuk bertindak keluar daripada Malaysia," katanya ketika ditemui selepas majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri di sini, hari ini.

Ahad lalu, Ketua Menteri Sabah yang juga Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, mengumumkan penubuhan institut itu, yang bertujuan melatih barisan pelapis parti menghadapi cabaran masa depan.

IEP akan menjalankan latihan mengenai kepemimpinan politik, pengurusan, pentadbiran, pembangunan manusia, sivik dan moral serta semangat berdikari.

Perdana Menteri berkata, Sabah didapati langsung tidak mahu mematuhi apa juga dasar Kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, penduduk Sabah sebenarnya tidak benci kepada Malaysia, tetapi apa yang berlaku ialah kerajaan negeri itu berjaya meracuni fikiran sebahagian rakyatnya supaya anti-Kerajaan Pusat.

"Kita sedar menjadi hak kerajaan negeri itu untuk mempengaruhi rakyatnya mengenai apa juga dasar mereka. Sebab itu, kita akan berusaha sedaya upaya bagi memastikan orang Sabah juga mempunyai pendirian sendiri sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada bukti rancangan PBS itu boleh menjejaskan keselamatan negara.

Ditanya sama ada tindakan Datuk Pairin sekarang keterlaluan, beliau berkata: "Terpulanglah kepada rakyat untuk menilai sama ada tindakannya itu keterlaluan atau tidak."

Mengenai kegiatan Sabah dan Sarawak yang terus mengeksport balak, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat sudah lama meminta negeri berkenaan supaya mengeluarkan kayu balak untuk kegunaan industri dalam negara saja.

"Kalau balak tidak mencukupi untuk Malaysia tidak mengapa, tapi ia akan menjadi masalah jika bahan itu tidak cukup untuk kegunaan Sabah sendiri... kilang terpaksa ditutup," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat tidak ada kuasa untuk menyekat kegiatan berkenaan kerana sumber alam adalah di bawah jagaan kerajaan negeri masing-masing.

"Undang-undang yang membabitkan kuasa negeri tidak boleh dipinda melainkan dengan persetujuan kerajaan negeri terbabit," katanya.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat sedia memberi pampasan kepada Sabah dan Sarawak jika negeri itu menghentikan pengeksportan kayu balaknya, Perdana Menteri berkata: "Kita semua mesti tanggung beban bersama."

Mengenai isu perlucutan jawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Zain Azraai sebagai pengerusi Sabah Forest Industries (SFI), beliau berkata, kerajaan akan mengkaji semula sama ada akan terus menjadi penjamin kepada pinjaman yang dibuat oleh SFI.